



4 April 2014
4 April 2014
P.U. (A) 88

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERDAGANGAN STRATEGIK (PENGGUNA
AKHIR TERHAD DAN PENGGUNA AKHIR TERLARANG)
(PINDAAN) 2014

*STRATEGIC TRADE (RESTRICTED END-USERS AND
PROHIBITED END-USERS) (AMENDMENT) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

PERINTAH PERDAGANGAN STRATEGIK (PENGGUNA AKHIR TERHAD DAN PENGGUNA AKHIR TERLARANG) (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 8 Akta Perdagangan Strategik 2010 [*Akta 708*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perdagangan Strategik (Pengguna Akhir Terhadap dan Pengguna Akhir Terlarang) (Pindaan) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 7 April 2014.

Pindaan Jadual Kedua

2. Perintah Perdagangan Strategik (Pengguna Akhir Terhadap dan Pengguna Akhir Terlarang) 2010 [*P.U. (A) 484/2010*] yang disebut “Perintah Ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam Jadual Kedua—

(a) dalam Bahagian 1—

(i) berhubung dengan Republik Demokratik Rakyat Korea, dengan memasukkan selepas perenggan 5 perenggan yang berikut:

“6. Paek Chang-Ho (Pegawai kanan dan ketua pusat kawalan satelit *Korean Committee for Space Technology*. Juga dikenali sebagai: Pak Chang-Ho; Paek Ch'ang-Ho; Pengenalan: Pasport: 381420754; Tarikh Keluaran Pasport: 7 Disember 2011; Tarikh Tamat Tempoh Pasport: 7 Disember 2016; Tarikh Lahir: 18 Jun 1964; Tempat Lahir: Kaesong, *DPRK*; Jantina: Lelaki)

7. Chang Myong-Chin (Pengurus Besar *Sohae Satellite Launching Station* dan ketua pusat pelancaran yang mana pelancaran 13 April dan 12 Disember 2012 telah berlaku. Juga dikenali sebagai: Jang Myong-Jin; Pengenalan: Tarikh Lahir: 19 Februari 1968; Tarikh Lahir Alternatif: 1965 atau 1966; Jantina: Lelaki)
8. Ra Ky'ong-Su (Ra Ky'ong-Su adalah pegawai *Tanchon Commercial Bank (TCB)*. Dalam kapasiti ini beliau telah memudahkan transaksi bagi *TCB. Tanchon* telah ditetapkan oleh Jawatankuasa pada April 2009 sebagai entiti kewangan utama *DPRK* yang bertanggungjawab bagi penjualan senjata konvensional, misil balistik dan barang-barang berkaitan dengan pemasangan dan pengilangan senjata sedemikian. Juga dikenali sebagai: Ra Kyung-Su; Pengenalan: Tarikh Lahir: 4 Jun 1954; Pasport: 645120196; Jantina: Lelaki)
9. Kim Kwang-il (Kim Kwang-il adalah pegawai *Tanchon Commercial Bank (TCB)*. Dalam kapasiti ini, beliau telah memudahkan transaksi bagi *TCB* dan *Korea Mining Development Trading Corporation (KOMID)*. *Tanchon* telah ditetapkan oleh Jawatankuasa pada April 2009 sebagai entiti kewangan utama *DPRK* yang bertanggungjawab bagi penjualan senjata konvensional, misil balistik, dan barang-barang berkaitan dengan pemasangan dan pengilangan senjata sedemikian. *KOMID* telah ditetapkan oleh Jawatankuasa pada April 2009 dan merupakan pengedar utama senjata dan pengeksport utama barang-barang dan peralatan berkaitan dengan misil balistik dan senjata konvensional *DPRK*. Pengenalan: Tarikh

Lahir: 1 September 1969; Pasport: PS381420397;
Jantina: Lelaki)

10. Yo'n Cho'ng Nam (Ketua Wakil bagi *Korea Mining Development Trading Corporation (KOMID)*). *KOMID* telah ditetapkan oleh Jawatankuasa pada April 2009 dan merupakan penjual utama senjata dan pengeksport utama barang-barang dan peralatan yang berkaitan dengan misil balistik dan senjata konvensional *DPRK*)
 11. Ko Ch'o'l-Chae (Timbalan Ketua Wakil bagi *Korea Mining Development Trading Corporation (KOMID)*). *KOMID* telah ditetapkan oleh Jawatankuasa pada April 2009 dan merupakan penjual utama senjata dan pengeksport utama barang-barang dan peralatan yang berkaitan dengan misil balistik dan senjata konvensional *DPRK*)
 12. Mun Cho'ng-Ch'o'l (Mun Cho'ng-Ch'o'l ialah pegawai *TCB*. Dalam kapasiti ini beliau telah memudahkan transaksi bagi *TCB. Tanchon* telah ditetapkan oleh Jawatankuasa pada April 2009 dan merupakan entiti kewangan utama *DPRK* bagi penjualan senjata konvensional, misil balistik, dan barang-barang berkaitan dengan pemasangan dan pengilangan senjata sedemikian)"; dan
- (ii) berhubung dengan Republik Islam Iran, dengan memasukkan selepas perenggan 34 perenggan yang berikut:

"35. Azim Aghajani (juga dikenali sebagai Azim Adhajani), (Ahli Angkatan *IRGC-Qods* yang beroperasi di bawah arahan Komander Angkatan Qods, Mejar Jeneral Qasem Soleimani yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa

Bersatu dalam resolusi 1747 (2007); memudahkan pelanggaran perenggan 5 resolusi 1747 (2007) yang melarang eksport senjata dan *materiel* berkaitan dari Iran. (Maklumat tambahan: Warganegara: Iran; Nombor Pasport: 6620505, 9003213))

36. Ali Akbar Tabatabaei (juga dikenali sebagai Sayed Akbar Tahmaesebi), (Ahli Angkatan *IRGC-Qods* yang beroperasi di bawah arahan Komander Angkatan Qods, Mejar Jeneral Qasem Soleimani yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam resolusi 1747 (2007); memudahkan pelanggaran perenggan 5 resolusi 1747 (2007) yang melarang eksport senjata dan *materiel* berkaitan dari Iran. (Maklumat tambahan: Warganegara: Iran; Tarikh Lahir: 1967))”; dan

(b) dalam Bahagian 2—

(i) berhubung dengan Republik Demokratik Rakyat Korea, dengan memasukkan selepas perenggan 8 perenggan yang berikut:

“9. *Amrogang Development Banking Corporation* (*Amrogang* yang ditubuhkan pada tahun 2006, ialah sebuah syarikat yang berkaitan dengan *Tanchon Commercial Bank* yang diuruskan oleh pegawai *Tanchon*. *Tanchon* memainkan peranan dalam membiayai penjualan misil balistik *KOMID* dan terlibat dalam transaksi misil balistik daripada *KOMID* kepada *Shahid Hemmat Industrial Group* (SHIG) Iran. *Tanchon Commercial Bank* telah ditetapkan oleh Jawatankuasa pada April 2009 dan merupakan entiti kewangan utama *DPRK* bagi penjualan senjata konvensional, misil balistik, dan barang-barang berkaitan